

Media Title : Utusan Sarawak
Headline : Waspada scammer', jangan kongsi maklumat peribadi
Date : 24 June 2023
Section : Tempatan
Page : 8



Waspada 'scammer', jangan kongsi maklumat peribadi



.....
CONNIE CHIENG

KUCHING : Orang ramai dinasihatkan supaya tidak memuat turun mana-mana aplikasi yang mencurigakan atau memasuki laman web pelik dan mengklik pautan yang tidak dapat disahkan dalam WhatsApp atau telegram.

"Yang teramat penting sekali adalah jangan berikan maklumat peribadi termasuk buti-

ran bank dan jangan lakukan sebarang transaksi bank dalam talian kepada orang atau pihak ketiga yang tidak dikenali," kata Ketua Biro Aduan Awam parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Milton Foo (***gambar***) dalam satu kenyataan.

Foo memberitahu, beliau telah ditambah ke dalam kumpulan WhatsApp yang bernama 'Sky9_95' secara peribadi dan mendapati terdapat lebih daripada 50 peserta semalam.

"Pemilik kumpulan menyata-

kan laman webnya menjanjikan wang tunai RM250 setiap hari dan menjanjikan banyak faedah lain termasuk promosi membeli-belah dalam talian," katanya.

Justeru, Foo telah melaporkan kes tersebut kepada pihak polis dan modus operandi 'scammer' ini menjemput atau membuat orang ramai menyertai kumpulan WhatsApp atau Telegram ke Jabatan Jenayah Komersial Sarawak.

Terdahulu, Pesuruhjaya Polis (CP) Sarawak. Dato

Mohd Azman Ahmad Sapri dalam satu kenyataan akhbar memaklumkan orang ramai tentang penipuan 'Sky9 Capital' pada 18 Jun lepas yang mana seorang mangsa wanita telah membuat 14 transaksi ke dalam tujuh akaun bank berbeza.

Jumlah transaksi tersebut ialah RM201,186 dalam tiga hari (13 hingga 16 Jun) selepas dijanjikan oleh kononnya wakil dari syarikat bernama 'Sky9 Capital' untuk pulangan keuntungan dan imbuhan yang tinggi.